

WARKAH ANWAR



SURAT-SURAT DARI PENJARA
1998-2004

KANDUNGAN

BAB 1 Pengenalan	1-14
BAB 2 Mahkamah	15-67
BAB 3 Politik & Pentadbiran	68-289
BAB 4 Kenangan bersama Ustaz Fadzil	290-317
BAB 5 Peribadi	318-334



SEBAIK ditangkap selepas dipecat pada September 1998, isu Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi hangat dan tidak lenyap selepas tiga bulan seperti yang diharapkan oleh penguasa.

Media milik parti pemerintah segera dikerah memburukkan Anwar supaya beliau tidak mendapat sokongan rakyat — langkah yang akhirnya terbukti semakin mempopularkan mantan Timbalan Perdana Menteri itu.

Awal 2000, ketika kes kedua beliau dibicarakan, taktik baru diambil penguasa — media diarah supaya jangan menyiarkan sebarang berita mengenai Anwar.

Langkah penggelapan ini bertujuan supaya Anwar akan lama kelamaan dilupakan rakyat apabila berita, kenyataan, atau gambar beliau tidak lagi muncul. Taktik ini menampakkan kesan dan perlu segera ditangkis.

Dalam kesempatan bertemu dengan Anwar di masa rehat dalam satu sidang mahkamah, saya mencadangkan agar beliau menulis secara tetap dalam akhbar *Harakah* bagi mendekatkan diri dengan rakyat untuk meneutralkan tindakan tersebut.

Beliau bersetuju dan saya terus membawa cadangan ini kepada pengurusan *Harakah*. Pengarang *Harakah* pada masa itu, Zulkifli Sulung menerima dengan tangan terbuka.

Walau bagaimanapun usaha ini sedikit terencat pada peringkat awal kerana dengan status 'banduan', Anwar secara perundangan tidak dibenarkan menulis untuk akhbar.

Pihak pengurusan *Harakah* juga melahirkan kebimbangan jika

ia dijadikan alasan oleh pihak berkuasa untuk merumitkan lagi permit akhbar itu setelah baru disekat beberapa bulan sebelum itu.

Penyiaran artikel Anwar juga akan menimbulkan masalah kepada peguam atau ahli keluarga yang menziarahi beliau di Sungai Buloh kerana mereka akan dikenakan pemeriksaan lebih ketat. Akhirnya persetujuan dicapai untuk tulisan tersebut disiarkan dengan menggunakan nama isteri beliau yang juga Presiden KeADILan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Pada Jun 2000, ruangan tetap 'Salam Reformasi' mula menemui pembaca.

Artikel-artikel asal Anwar ditulis di atas berbagai jenis kertas yang terdapat dalam sel beliau. Kebanyakannya di sisi belakang helaian-helaian kertas bahan-bahan internet bercetak atau surat yang dihantar kepada beliau. Ada kalanya di atas kad jemputan, borang langganan majalah atau buku latihan sekolah anak-anak beliau.

Bahan dari penjara dikeluarkan melalui berbagai cara serta sumber, namun, saya fikir tidak wajar didedahkan buat masa ini. Walau dengan serba kesukaran, adakalanya dalam kesakitan, artikel Anwar akan tiba ke tangan saya setiap dua minggu menjelang deadline *Harakah*. Anwar tidak jemu menulis sehinggalah menjelang pembebasan beliau pada 2 September 2004.

Beberapa artikel terakhirnya walau bagaimanapun ditulis dengan menggunakan nama beliau sendiri, dengan dimasukkan catatan 'artikel lama Anwar'.

Selain itu, Anwar juga turut menulis rencana atau surat pembaca untuk *Harakah* dan juga tabloid *Memo*, terbitan Ahmad Lutfi Othman dengan menggunakan nama ASDI. Beberapa surat yang menyentuh berbagai isu disiarkan sehinggalah beliau memaklumkan supaya jangan lagi nama tersebut digunakan kerana beliau mendapat maklumat pihak berkuasa telah menghidu nama ASDI itu adalah DSAI!

Selain itu, beliau juga menulis secara tetap untuk *Berita*

KeADILan dan Seruan KeADILan, akhbar rasmi milik parti Keadilan Rakyat.

Pemergian teman tersayang yang juga bekas Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor ke rahmatullah pada 23 Jun 2002 amat dirasakan Anwar. Beliau mengabadikan persahabatan sejati mereka yang tetap akrab walaupun ketika bergerak dalam wadah parti politik yang berlainan rencana bersiri dalam *Harakah*.

Anwar memberitahu bahawa beliau mendapat maklumat artikel sembilan siri tersebut dilaporkan oleh pihak Cawangan Khas sebagai yang paling popular ketika itu dalam *Harakah*.

Buku ini menyiarkan 81 rencana yang pernah ditulis oleh Anwar dari balik jeriji besi penjara Sungai Buloh.

Ia menyentuh soal ketempangan proses perbicaraan dan pemenjaraan beliau, gelagat hakim, Peguam Negara yang mengikut telunjuk penguasa, hak asasi, kehidupan dalam penjara, isu-isu politik, ekonomi, bahasa, agama, transformasi rejim Mahathir/ Abdullah serta isu semasa dari soal 'good governance', rasuah, korupsi hinggalah kepada soal penapisan filem!

Ia adalah dokumentasi yang tidak ternilai harganya.

Zunar

Penyusun

Oktober 2004